

06 JUN 2001

Mahathir-Korea

PEMIMPIN KOREA UTARA HARUS BUAT LAWATAN BALAS KE KOREA SELATAN, KATA PM

Oleh: R.Ravichandran

PYONGYANG, 6 Jun (Bernama) -- Malaysia berpendapat masanya sesuai bagi pemimpin Korea Utara Kim Jong-Il membuat lawatan balas ke Korea Selatan untuk meneruskan proses dialog antara kedua-dua negara itu.

Ini terkandung dalam perutusan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada pemimpin Korea Utara itu.

Perutusan itu disampaikan oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang melakukan kunjungan hormat terhadap Presiden, Presidium Dewan Perhimpunan Agung Rakyat Republik Korea (DPRK) Kim Yong Nam di Dewan Perhimpunan Mansudae di sini.

Syed Hamid, yang tiba di sini pada Isnin berada dalam rangka lawatan rasmi ke Korea Utara iaitu lawatan pertama beliau ke negara sosialis dengan penduduk seramai 22 juta orang.

Dalam mesejnya, Dr Mahathir juga berkata yang Malaysia menyokong penuh sidang kemuncak antara antara Jong-Il dan Presiden Korea Selatan Kim Dae Jung, yang diadakan di sini pada Jun tahun lepas.

Sementara menyatakan rasa puas hatinya mengenai hubungan dua hala sedia ada antara Kuala Lumpur dan Pyongyang, Dr Mahathir berkata Malaysia berminat mengembangkan hubungan sedia ada itu.

Malaysia dan Korea Utara mula menjalin hubungan diplomatik pada 1973.

Dalam mesejnya, Perdana Menteri juga menjemput Kim Jong-Il untuk melakukan lawatan rasmi ke Malaysia pada masa yang sesuai.

-- BERNAMA

RV ZAI RM PR